

UM 16 OCT 2002  
**Elak keluar  
usul minta  
PM tarik  
balik  
persaraan,**

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Konvensyen UMNO Kelantan perlu mengelak dari mengeluarkan usul meminta Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meharik balik keputusannya untuk bersara demi menghormati hasrat beliau.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata, pendirian Perdana Menteri dalam hal itu adalah amat jelas dan Konvensyen UMNO Kelantan sebaliknya harus memfokus kepada agenda persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Soal ini sebenarnya tidak berbangkit langsung, kerana agenda utama konvensyen ialah untuk membincangkan persediaan UMNO Kelantan menghadapi pilihan raya umum akan datang,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Sementara itu, di **Kuala Terengganu**, Badan Perhubungan UMNO Terengganu berpendapat, soal persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada politik tidak harus diseret menjadi suatu isu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Idris Jusoh berkata, sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri, semua pihak perlu berhenti daripada memperkatakannya.

“Perdana Menteri telah banyak kali menegaskan hasratnya untuk bersara dan sudah tiba masanya semua pihak benar-benar menghormati hasratnya itu,” ujar beliau dalam satu kenyataan, hari ini.